

28 AUG 2002

PERLUAS DASAR PADANG KE TIMUR KE CHINA, HONG KONG, TAIWAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Dasar Pandang Ke Timur dicadang diperluas ke negara lain di Asia Timur seperti China, Hong Kong dan Taiwan.

Cadangan itu yang terkandung dalam resolusi persidangan antarabangsa Dasar Pandang Ke Timur: Cabaran Dan Sumbangan, turut mengesyorkan supaya dasar itu diperkukuhkan melalui peningkatan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar antarabangsa.

Resolusi itu diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman pada jamuan malam sempena sambutan ulang tahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur di Hotel Palace of The Golden Horses di Sri Kembangan di sini malam ini.

Resolusi itu turut mencadangkan perkara lain yang berkaitan dasar itu dalam era globalisasi, dalam konteks kerjasama kebudayaan, ekonomi dan pendidikan serta pelaksanaan program dasar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Persidangan antarabangsa Dasar Pandang Ke Timur yang berlangsung di sini pada 22 dan 23 April lepas, disertai 198 peserta.

-- BERNAMA

AFY AFY LAT